
**TEKS UCAPAN
YBHG DATO' HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN BULANAN JULAI**

**PADA
23 JULAI 2014
(RABU)**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BERUSAHA SR AZIZ BIN ABDULLAH
TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN
PENGARAH KANAN PENGURUSAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN
ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

PENDAHULUAN

1. Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya dapat kita bertemu lagi pada perhimpunan bulan Julai yang diadakan pada bulan Ramadhan. Enam bulan pertama sudah berakhir bagi tahun 2014 dan akhir bulan Julai ini menandakan kita hanya tinggal lebih kurang lima bulan sahaja lagi sebelum berakhirnya tahun 2014. Saya ingin menekankan bahawa kita perlu menilai samada LLM *on track* dalam mencapai kesemua KPI yang telah ditetapkan pada tahun ini. Apa yang perlu kita kejar, bukanlah jumlah projek atau program yang dilaksanakan, tetapi impak setiap satu projek atau program itu kepada rakyat dan industri lebuhraya keseluruhannya.

MAJLIS PERASMIAN JALAN SUSUR KELUAR BERTOL DARI LEBUHRAYA KL-KUALA SELANGOR (LATAR) KE LALUAN B149 KUNDANG

2. YB Datuk Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya telah merasmikan Jalan Susur Keluar Bertol Dari Lebuhraya KL-Kuala Selangor (LATAR) ke Laluan B149 Kundang di Plaza Tol Persimpangan Kundang Timur. Hasil kerjasama antara pihak syarikat konsesi KL-Kuala Selangor Expressway Berhad (KLSEB) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Persimpangan Kundang berjaya dibina dan secara rasminya dibuka kepada lalulintas. Pembinaan susur keluar bertol ini melengkapkan satu sistem persimpangan bertingkat berbentuk *Diamond Interchange* di antara lebuhraya LATAR dan laluan B149 yang pada asalnya berbentuk *Directional Ramp* iaitu hanya laluan

susur masuk ke LATAR sahaja. Persimpangan ini dapat menambahbaik sistem penyuraian trafik di Kundang, Kuang dan kawasan sekitarnya bagi memendekkan jarak perjalanan hampir 30 minit ke Ibu Kota serta menjimatkan kos perjalanan. Saya juga berharap projek-projek lain yang dalam pembinaan berjalan lancar sepertimana yang telah dijadualkan di mana peranan LLM dalam mengawalselia projek pembinaan perlu diperkasakan.

TRAVEL SMARTER SATU BENTUK PELAN KOMUNIKASI

3. Pelan komunikasi strategik dalam menyampaikan maklumat yang tepat serta mengambil tindakan ke atas maklumbalas-maklumbalas yang diterima daripada rakyat adalah penting pada masa kini. Pelan komunikasi ini dilaksanakan semata-mata atas dasar mengambil kira kepentingan rakyat di samping mengelak kemungkinan adanya pihak yang mengambil kesempatan untuk memutar belitkan fakta. Pelan komunikasi ini juga tidak terhenti setelah projek sudah siap, hubungan yang diwujudkan dengan masyarakat setempat perlu diteruskan bagi menilai dan menambahbaik perkhidmatan yang diberikan.

4. Dalam hal ini, Lembaga Lebuhraya Malaysia telah menyarankan Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) untuk membangunkan Pelan Komunikasi yang bertujuan untuk mendidik, memberitahu dan mewujudkan kesedaran kepada orang ramai khususnya pengguna-

pengguna lebuhraya terhadap perkara berkaitan lebuhraya tol. Hasilnya adalah Kempen *Travel Smarter* iaitu satu pelan komunikasi yang mempunyai platform latar belakang dan faedah pembangunan lebuhraya di Malaysia, info trafik secara langsung dan juga "*Journey Planner*". Pelancaran Kempen *Travel Smarter* ini telah disempurnakan oleh YB Menteri Kerja Raya pada 22 Julai 2014. Ianya merupakan salah satu alat yang dapat membantu pengguna lebuhraya merancang perjalanan mereka sempena musim perayaan dan boleh dicapai dengan melayari laman web [www. travelsmarter.com](http://www.travelsmarter.com).

BANTUAN KECEMASAN AWALAN DI LEBUHRAYA

5. Bantuan kecemasan awalan jika berlaku kemalangan sangat diperlukan bagi memastikan mangsa kemalangan mendapat rawatan awalan. Jika kita lihat apabila terjadinya kemalangan di lebuhraya, kesesakan teruk pasti berlaku terutama jika semasa waktu puncak. Ini menyukarkan bantuan kecemasan dari Petugas Paramedik dan Bomba untuk tiba ke tempat kejadian bagi memberi bantuan.

6. Menyedari masalah ini, Lembaga Lebuhraya Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia mengorak langkah menyediakan peronda lebuhraya yang mempunyai pengetahuan pertolongan kecemasan yang tiba awal di tempat kejadian. Majlis Taklimat & Pelancaran Media Pasukan

Plusronda Laluan Tanjung Malim-Seremban Lebuhraya Utara Selatan ini telah disempurnakan oleh Menteri Kementerian Kesihatan pada 22 Julai 2014 di Persada PLUS. Peronda lebuhraya ini akan diberikan latihan khusus bantuan kecemasan awalan kepada mangsa kemalangan. Program perintis yang dilaksanakan di Lebuhraya Utara - Selatan bagi laluan lebuhraya di dalam negeri Selangor dari Seremban ke Tanjung Malim melibatkan seramai 150 orang peronda lebuhraya PLUS. Program ini seterusnya akan dikembangkan kepada syarikat-syarikat konsesi lain. Saya melihat usaha sebegini sangat-sangat membantu didalam menyelamatkan mangsa kemalangan.

PERKHIDMATAN LLM BAKAL TERJEJAS JIKA TERDAPAT PANGGILAN TIDAK BERJAWAB

7. Sepertimana kita sedia maklum, talian tunggal 03-80008000 merupakan talian yang menghubungkan antara orang awam dengan agensi-agensi yang dikoordinasikan oleh 1Malaysia *One Call Centre* (1MOCC). 1MOCC 44 Kementerian dan Agensi Kerajaan dan ianya adalah salah satu program di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Perkara ini juga turut disentuh oleh YB Timbalan Menteri Kerja Raya sepertimana ucapan beliau di Perhimpunan Pagi KKR pada 17 Julai 2014.

8. Sejak program 1MOCC beroperasi pada 12 November 2012, antara isu utama yang dikenalpasti adalah panggilan yang disambungkan oleh pihak 1MOCC kepada kakitangan di Kementerian dan Agensi, tidak berjawab.

Panggilan ini disambungkan kerana ia melibatkan isu dasar dan polisi Kementerian selain pemanggil ingin mendapatkan maklumat lanjut berhubung sesuatu perkara.

9. Saya menyeru kepada semua warga LLM agar lebih peka untuk menjawab panggilan dan sentiasa siap siaga dalam memberikan jawapan dan maklumbalas yang tepat dan memuaskan kepada pemanggil. Prinsip *No Wrong Door Policy* perlu diterapkan agar pelanggan mendapat maklumat yang diperlukan dengan lebih cepat dan tepat. Setiap warga Pengarah-Pengarah bahagian perlu sama-sama membantu dengan memantau kesiapan siagaan kakitangan bahagian demi mencapai hasrat mengurangkan Panggilan Tidak Berjawab.

TRAGEDI MH17

10. Pada 17 Julai 2014 negara dikejutkan dengan satu lagi insiden tragis dimana, Pesawat Boeing 777 milik Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) yang dalam penerbangan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur telah dilaporkan terhempas di Donetsk, wilayah timur Ukraine. Pesawat yang membawa 298 penumpang dan anak kapal ini dipercayai ditembak jatuh oleh kumpulan pemisah. Saya percaya kita semua mengikuti perkembangan berita ini dan sudah pasti pelbagai andaian dan maklumat yang telah disebarikan melalui media massa dan sosial. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mangsa dan berdoa mereka akan terus tabah serta sabar

menghadapi ujian ini. Kerajaan Malaysia juga telah dan akan melakukan yang terbaik untuk keluarga dan waris mangsa serta membawa balik jasad rakyat Malaysia yang terkorban dalam nahas pesawat MH17 yang disasarkan sebelum 1 syawal.

TANGGUNGJAWAB BERSAMA MENANGANI KES DENGGI

11. Berdasarkan rekod dari Januari sehingga 16 Julai 2014, jumlah kes denggi yang dilaporkan adalah 49, 948 iaitu meningkat sebanyak **35,542** kes atau **247%** berbanding hanya 14,406 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2013. Negeri yang mencatatkan jumlah bilangan kes denggi yang tertinggi ialah Selangor dengan sejumlah 264 lokasi diikuti 66 lokasi di Kelantan, 45 lokasi di Kuala Lumpur & Putrajaya, 41 lokasi di Negeri Sembilan, 28 lokasi di Johor, 14 lokasi di Sarawak dan selebihnya di Perak, Sabah, Kedah, Pulau Pinang, Pahang, Perlis dan Melaka.

12. Berdasarkan statistik tersebut, saya menyeru agar setiap warga LLM mengambil inisiatif membersihkan kawasan kediaman masing-masing dan tidak lupa juga kontraktor penyenggaraan bangunan untuk menjalankan aktiviti *fogging* di pejabat serta menghapuskan tempat pembiakan nyamuk. Kepada warga LLM yang mengalami simptom-simptom demam denggi harus bersegera mendapatkan rawatan di klinik atau hospital. Di samping itu, jika meninggalkan

kediaman semasa musim perayaan pastikan pengosongan takungan air untuk mengelakkan pembiakan nyamuk.

IBADAH BERPUASA DAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

13. Pada hari ini genap 25 hari umat Islam menjalani ibadah berpuasa di bulan Ramadhan. Sudah tentu kita masing-masing sibuk membuat persiapan untuk menyambut hari raya. Saya yakin ada diantara kita semua sudah mula bercuti untuk membuat persediaan awal. Walaupun sambutan hari raya merupakan sambutan yang dinantikan oleh kita semua, tanggungjawab pada rakyat tidak harus kita lupakan. Setiap dari kita perlu bersedia menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku di lebuhraya. Saya yakin setiap bahagian telah mengaturkan pegawai dan kakitangan untuk bertugas kerana pejabat tetap perlu beroperasi selepas cuti umum Hari Raya.

14. Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan mengingatkan hadirin sekalian untuk berhati-hati memandu serta mengamalkan pemanduan berhemah lebih-lebih lagi semasa pulang berhari raya di kampung halaman masing-masing. Peningkatan trafik semasa musim perayaan sangat sinonim dengan risiko berlakunya kemalangan. Semalam sewaktu pelancaran Kempen Keselamatan

Peringkat Kementerian Kerja Raya, Menteri Kerja Raya telah menyarankan agar setiap daripada kita iaitu pengguna jalan atau lebuhraya perlu merancang perjalanan dan mempunyai rehat secukupnya. Selain itu, beliau juga mengingatkan agar sentiasa memberi penekanan kepada aspek kualiti pemanduan, keadaan mekanikal dan fizikal kenderaan serta amalan tips-tips keselamatan jalan. Bersabarlah ketika memandu dan jangan ikutkan perasaan. Kita juga harus tidak melupakan pengorbanan kakitangan yang perlu bertugas pada hari Raya Aidilfitri seperti di Pusat Pengurusan Trafik LLM, Pusat Operasi Trafik Syarikat Koneksi, peronda lebuhraya dan agensi penguatkuasa dan keselamatan bagi memastikan keselesaan dan kelancaran perjalanan kita.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Sebelum mengakhiri ucapan di perhimpunan kali ini, besar harapan saya agar seluruh warga LLM berusaha menjalankan tugas dengan beramanah dan berintegriti, khususnya demi menjaga nama baik perkhidmatan awam. Di kesempatan ini juga saya mewakili Pengurusan LLM ingin mengucapkan Selamat Hari Raya, maaf zahir dan batin.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.